**NIOSH CERTIFICATION SDN BHD** (641222-K)
(A wholly owned subsidiary of NIOSH, Ministry of Human Resources)
7th Floor, NIOSH Tower
Lot 1, Jalan 15/1, Section 15
43650 Bandar BaruBangi
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Tel : 03 - 8922 1925
Faks : 03 - 8926 7682
www.nioshcert.com.my

Ruj. : **NCSB/MSC/301/PCSB19/STKC**
Date : **19 Ogos 2019**
U.P : **Semua pihak yang berkepentingan**

Tuan / Puan,

**UNDANGAN MEMBERI MAKLUMBALAS TERHADAP PENSIJILAN MALAYSIAN SUSTAINABLE PALM OIL (MSPO) KEPADA POLIMA CORPORATION SDN BHD**

NIOSH Certification merupakan badan pensijilan yang menjalankan aktiviti audit bagi pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Standard MS 2530-3:2013 terhadap ladang kelapa sawit **Polima Corporation Sdn Bhd** beralamat seperti berikut:

1. **POLIMA CORPORATION SDN BHD**
No. 12-2, 2nd Floor,
Block B, Lorong Plaza
Kingfisher 4, Plaza Kingfisher,
88450 Kota Kinabalu,
SABAH.

Pensijilan MSPO merupakan satu pengiktirafan pengeluaran minyak sawit mampan yang memberi faedah terhadap industri iminyak sawit di Malaysia. Elemen yang ditekankan meliputi aspek – aspek berikut:

a. Pematuhan perundangan
b. Perlindungan alam sekitar
c. Pemuliharaan biodiversiti
d. Tanggungjawab dan komitmen pihak pengurusan
e. Tanggungjawab sosial, keselamatan dan kesihatan pekerjaan
f. Pembangunan komuniti setempat

Bagi memenuhi proses pensijilan, audit pematuhan akan dilaksanakan ke atas **Polima Corporation Sdn Bhd** pada **20 September 2019**. Oleh itu, NIOSH Certification menjemput semua pihak berkepentingan terhadap **Polima Corporation Sdn Bhd** yang terdiri daripada agensi dan jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan, pekerja - pekerja, pemimpin masyarakat dan masyarakat setempat untuk memberi sebarang maklumbalas atau komen bertulis terhadap aktiviti **Polima Corporation Sdn Bhd** berdasarkan aspek di atas.

Maklumbalas dan komen daripada pihak tuan/puan boleh disalurkan pada sesi audit pematuhan yang dijadualkan pada **20 September 2019** atau melalui surat / emel ke *khairul.faris@nioshcert.com.my* dan faks di talian 03 – 8926 7682. Semua maklumbalas dan komen yang diterima akan dipertimbangkan dan dibincangkan bersama pihak **Polima Corporation Sdn Bhd** semasa sesi audit agar memberi impak positif terhadap pensijilan MSPO organisasi tersebut. Untuk makluman, segala butiran yang diberikan adalah sulit dan akan dirahsiakan. Kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**ASIAH NASUTION SUHAIMI**
Pengurus Pensijilan

Accredited Certification Body

STANDARDS MALAYSIA ACCREDITED CERTIFICATION BODY
MS ISO/IEC 17021:2015
OSH 29032011 CB04

STANDARDS MALAYSIA ACCREDITED CERTIFICATION BODY
MS ISO/IEC 17021:2015
EMS 03122013 CB10
QS 29012017 CB17
FSMS 04122016 CB07